

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2016

RUJUKAN : 9353

SOALAN :

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jika Kementerian setuju bahawa satu penyelesaian masalah pendatang tanpa izin yang telah menjadi warga Sabah melalui Projek IC adalah melalui penurunan (devolution/decentralization) kuasa kepada Kerajaan Sabah untuk melaksanakan pendaftaran balik dan mengeluarkan Kad Pengenalan Khas untuk Rakyat Sabah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti mana Ahli Yang Berhormat telah sedia maklum, berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat berkenaan pendaftaran semula dan mengeluarkan Kad Pengenalan Khas kepada rakyat Sabah, Kerajaan mengambil maklum bahawa cadangan tersebut perlu ditangani secara berhemah kerana adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan juga untuk memastikan bahawa apa jua pelaksanaan cadangan tidak akan menggugat keselamatan, ketenteraman awam, kelangsungan dan kesejahteraan rakyat Sabah.

Pandangan ini juga telah mengambil kira ulasan dalam Laporan Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah (RCI) yang menyebut bahawa cadangan seumpamanya yang pernah dikemukakan oleh beberapa orang saksi semasa prosiding oleh RCI tidak meneliti akibat-akibat dari segi perundangan dan perlembagaan yang mungkin timbul daripada cadangan berkenaan.

Oleh itu, berhubung sama ada pihak Kerajaan sedia melaksanakan pendaftaran balik dan mengeluarkan Kad Pengenalan Khas untuk Rakyat Sabah, sebarang tindakan kerajaan mengenainya akan mengambil kira pandangan Jawatankuasa Induk Pengurusan Warga Asing di Sabah yang

telah ditubuhkan sepertimana syor Laporan RCI yang dipengerusikan secara bersama oleh YAB Menteri Dalam Negeri dan YAB Ketua Menteri Sabah.